



AZHAR ABDUL HAMID (tiga dari kiri), bersama Raja Faridah Raja Ahmad (kiri), Mohd. Shaffie Said (dua dari kiri), Khairil Anuar Aziz (empat dari kiri) Zakaria Arshad (lima dari kiri) dan Zainal Ismail menunjukkan buku laporan tahunan selepas sidang akhbar sempena Mesyuarat Agung Tahunan MSM di Kuala Lumpur, semalam.

Saya bukan lantikan politik - Azhar

Oleh **MUHD. SHAHIZAM TAZALI**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Jun - Pengerusi MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), Datuk Azhar Abdul Hamid menegaskan bahawa beliau bukan lantikan politik dan akan menerajui syarikat selagi khidmatnya diperlukan.

Menurutnya, persoalan sama ada beliau 'selamat' atau tidak perkara itu bergantung kepada syarikat.

"Saya sedia berundur sekiranya tidak diperlukan, namun akan terus berkhidmat jika mereka (MSM) merasakan saya mampu memberi tambah nilai kepada syarikat. Saya sentiasa berusaha sendiri dan tidak terikat dengan mana-mana pihak

walau di mana sahaja saya pergi sama ada di MSM atau Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV).

"Saya pegang perkara ini dan kekal objektif serta lebih mudah untuk menguruskan organisasi yang saya terajui," katanya dalam sidang akhbar sempena Mesyuarat Agung Tahunan MSM Ketujuh di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) FGV, Datuk Zakaria Arshad, Pemangku CEO MSM, Mohd. Shaffie Said; Pengarah Eksekutif MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz; Lembaga Pengarah MSM, Datuk Zainal Ismail dan Ketua Pegawai Kewangan MSM, Raja Faridah Raja Ahmad.

Sementara itu, Azhar berkata,

MSM berhasrat meneroka pasaran eksport baharu ke Afrika dan China berikutan pertambahan persaingan di pasaran domestik serta memiliki lebih kapasiti untuk berbuat demikian.

Jelasnya, permintaan terhadap gula di Afrika semakin meningkat manakala China yang dahulunya mengeluarkan gula untuk kegunaan domestik kini mula mengimport dari negara lain.

"Tiada garis masa ditetapkan untuk memasuki pasaran berkenaan namun berharap ia dapat dilaksanakan secepat mungkin. Setiap pasaran yang berpotensi memerlukan kajian terperinci dilakukan kerana terdapat kekangan atau halangan seperti cukai dan tarif daripada negara-negara terbabit.

Maxis bawakan Piala Dunia 2018 kepada rakyat Malaysia

KUALA LUMPUR 26 Jun - Maxis membawakan Piala Dunia FIFA 2018 kepada rakyat Malaysia menerusi Astro GO dan Radio Televisyen Malaysia (RTM), sekali gus mempermudah orang ramai untuk menyaksikan perlawanan bola sepak sama ada di televisyen atau peranti mudah alih.

Ketua Perniagaan Pelanggan Maxis, V. Dushyan berkata, pelanggan Maxis dan Hotlink berpeluang membeli pas perlawanan World Cup Astro dari serendah RM1 bagi setiap perlawanan untuk menonton mana-mana atau semua 64 perlawanan secara langsung.

Menurut beliau, paling menarik adalah data untuk menyaksikan perlawanan tersebut ditawarkan secara percuma supaya pelanggan Maxis dan Hotlink dapat menikmati Piala Dunia sepenuhnya tanpa sebarang kebimbangan dengan rangkaian 4G Maxis.

"Maxis teruja untuk membawakan Piala Dunia kepada lebih ramai rakyat Malaysia berbanding sebelum ini dengan pas perla-



wanan World Cup Astro di Maxis serta melalui penajaan penyiaran utama untuk liputan RTM bagi perlawanan Piala Dunia.

"Sama ada anda berada di rumah atau dalam perjalanan pulang ke kampung halaman pada musim perayaan ini, rakyat Malaysia mempunyai lebih banyak pilihan untuk menyaksikan perlawanan setiap empat tahun ini bersama keluarga dan rakan-rakan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dushyan memberitahu, Maxis juga berbangga menjadi penaja

penyiaran utama untuk liputan Piala Dunia FIFA 2018 di RTM yang menyiarkan sebanyak 41 perlawanan yang mana 28 daripadanya disiarkan secara langsung, sementara 13 lagi ditayangkan.

"Piala Dunia bukan sekadar satu perlawanan bola sepak, ia adalah acara sukan terbesar di dunia yang diminati semua dan Maxis bangga untuk membantu peminat-peminat bola sepak berkumpul bersama menyaksikan pasukan kegemaran mereka," katanya.

I-Bhd sasar GDV RM700 juta

SHAH ALAM 26 Jun - Pemaju hartanah, I-Bhd menawarkan bangunan kediaman dan pejabat dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM700 juta tahun ini.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Eu Hong Chew berkata, sasaran jualan itu adalah daripada projek I-City di sini dan 8 Kia Peng pula sebanyak RM400 juta," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan I-Bhd di sini hari ini.

Syarikat menjangka projek I-City akan menjana lebih RM200 juta dan 8 Kia Peng pula sebanyak RM400 juta," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan I-Bhd di sini hari ini.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Lim Kim Hong berkata, I-Bhd telah tumbuh pesat berbanding lima tahun lalu, apabila syarikat itu memulakan rancangan pertambahan lima tahunnya.

"Ketika itu, perolehan kumpulan hanya RM66.7 juta dengan bahagian pembangunan hartanah menyumbang kira-kira 37 peratus daripadanya.

"Tahun lalu, segmen ini mewakili 90 peratus daripada perolehan kumpulan. Kami menjangka profil ini akan dikekalkan untuk tempoh lima tahun lagi," ujar beliau.

I-Bhd, yang terkenal dengan pembangunan taman tema I-City seluas 29.13 hektar di Shah Alam, mencatat pertumbuhan keuntungan bersih sebanyak 16.6 peratus kepada RM24.49 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac lalu, berbanding tempoh sama tahun lalu.

Kumpulan mencatat hasil sebanyak RM159.3 juta, iaitu 47 peratus lebih tinggi berbanding tempoh sama tahun lalu.



DARI Kiri: Ketua Perniagaan Baharu Muncul OCBC Bank, Wong Chee Seng, Ong Eng Bin, Pengerusi Peoplender, Jeffrey Chew dan Kristine Ng di majlis perjanjian usaha sama antara OCBC Bank dengan Peoplender di Kuala Lumpur baru-baru ini.

OCBC Bank mahu tingkat capaian pembiayaan PKS

KUALA LUMPUR 26 Jun - OCBC Bank (Malaysia) Berhad (OCBC Bank) akan meningkatkan capaian pembiayaan untuk perniagaan mikro, kecil dan baharu melalui perjanjian usaha sama dengan Peoplender Sdn. Bhd. (Peoplender).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Bank, Datuk Ong Eng Bin, usaha yang sedang dilaksanakan itu merupakan kerjasama yang bermakna kerana terdapatnya perniagaan berdaya maju yang mungkin sukar melayakkan diri untuk pinjaman bank biasa.

Beliau berkata, dengan kemunculan platform pembiayaan rakan ke rakan seperti Peoplender, peluang yang dulunya tidak wujud kini boleh didapati dengan mudah terutamanya menerusi teknologi maklumat (IT) yang semakin berkembang.

"Bagaimanapun, terdapat jurang antara mereka yang memerlukan dan golongan yang boleh memenuhi keperluan ini. Kami sukacita dapat memainkan peranan untuk merapatkan jurang menerusi pakatan ini dengan Peoplender," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kerjasama tersebut akan dilaksanakan menerusi platform pembiayaan rakan ke rakan, milik penuh Peoplender iaitu *Fundaztic.com*, yang memegang lesen daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Usaha ini bakal menyaksikan OCBC Bank merujuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang

berdaya maju kepada Peoplender untuk mendapatkan pilihan pembiayaan lebih luas serta memantapkan dan menyokong pertumbuhan perniagaan mereka.

Perniagaan mikro, kecil dan baharu secara tergabung membentuk kelompok PKS terbesar di negara ini dan sering menghadapi cabaran mendapatkan pembiayaan untuk mengembangkan dan memajukan perniagaan.

Sejak dilancarkan pada Julai 2018, Fundaztic telah berjaya mengagihkan dana berjumlah hampir RM15 juta kepada lebih daripada 170 PKS, dengan lebih separuh merupakan perniagaan yang telah beroperasi selama tiga tahun atau kurang.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif Peoplender, Kristine Ng berkata, platform pembiayaan dana alternatif ini adalah sebahagian daripada satu industri serba baharu, dengan Fundaztic sendiri baru menceburi pasaran itu tidak sampai setahun.

"Ini mengehadkan keupayaan kami membantu semua PKS untuk berdaya maju dan sebab itulah kerjasama dengan OCBC Bank menandakan langkah yang positif kerana mereka mempunyai capaian yang lebih luas dari segi rangkaian dan kakitangan.

"Usaha sama ini saling menguntungkan untuk meningkatkan capaian pembiayaan bagi PKS dan mengukuhkan ekosistem pembiayaan demi merangsang ekonomi," katanya.